



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. Kempen **Raikan Hari Bapa Bersama BSN SSP ("Kempen")** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **1 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2025** atau sementara stok Hadiah (sepertimana ditafsirkan selepas ini) masih ada, mana-mana yang terdahulu ("**Tempoh Kempen**"), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak BSN dari semasa ke semasa. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat tidak akan diterima dan / atau terbatal.

The Celebrate Father's Day with BSN SSP Campaign ("Campaign") is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 1 June 2025 to 30 June 2025 or while the stock of the Prize (as hereinafter defined) lasts, whichever comes first ("Campaign Period"), unless notified otherwise by BSN from time to time. All applications received outside the Campaign Period will not be accepted and/or be disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2. Individu yang layak menyertai kempen ini ("Individu Yang Layak") adalah seperti berikut:
The following individuals are eligible to participate in this Campaign ("Eligible Individuals"):

a) Terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada BSN; dan
Open to new and existing customers of BSN; and

b) Berumur dua belas (12) tahun dan ke atas.
Aged twelve (12) years old and above.

3. Individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*

a) Kakitangan tetap dan / atau kontrak BSN dan / atau anak syarikatnya atau syarikat-syarikat berkaitannya dan / atau ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa);
Permanent and / or contract employees of BSN or its subsidiaries or its related companies and/or their immediate family members (i.e. spouses, children and parents);

b) Wakil-wakil, ejen-ejen dan / atau pembekal perkhidmatan BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan atau promosi atau vendor computer / system / teknologi);
BSN's representatives, agents and / or service providers (including but not limited to the advertising or promotion agents and the computer / systems / technology vendor);

c) Individu di bawah umur dua belas (12) tahun;
Individuals below the age of twelve (12) years old;



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

- d) Bukan warganegara Malaysia.
Non-citizen of Malaysia.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

4. Untuk melayakkan diri, Individu Yang Layak perlu mengikut langkah seperti di bawah:-
To be eligible, the Eligible Individual will need to follow the steps as below:-

- a) Individu Yang Layak perlu mempunyai atau membuka akaun Sijil Simpanan Premium BSN ("BSN SSP") serta membuat simpanan baharu minimum sebanyak **RM20,000** di dalam satu peletakan semasa Tempoh Kempen;
The Eligible Individual shall have or open a Sijil Simpanan Premium BSN ("BSN SSP") account and make a new minimum savings of RM20,000 in a single placement during the Campaign Period;
- b) Tiada pengeluaran dibenarkan sepanjang Tempoh Kempen.
No withdrawal is allowed during the Campaign Period.
- c) Hadiah (sepertimana dinyatakan di Klausula 5) adalah atas dasar 'siapa cepat, dia dapat';
The Prize (as stipulated under Clause 5) will be on a 'first come first serve' basis;
- d) Setiap Individu Yang Layak berpeluang memenangi **satu Hadiah sahaja di satu negeri** (sepertimana dinyatakan di Klausula 5) sepanjang Tempoh Kempen;
*Each Eligible Individual will stand a chance to win **only one Prize in each state** (as stipulated under Clause 5) throughout the Campaign Period;*
- e) Simpanan boleh dibuat melalui mana-mana saluran simpanan BSN seperti berikut:
Savings can be made via any of the following BSN's savings channels:
- i) Mesin Teler Automatik (ATM) / Automated Teller Machine (ATM);
 - ii) Mesin Deposit Tunai (CDM) / Cash Deposit Machine (CDM);
 - iii) Aplikasi Mobile myBSN / myBSN Mobile App
 - iv) Cawangan BSN (kaunter) / BSN branch (over the counter);
 - v) Cawangan Bas Bergerak BSN / BSN Mobile Branch.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'
TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

HADIAH / PRIZES

5. Individu Yang Layak berpeluang untuk memenangi hadiah berikut yang ditawarkan dalam Kempen ini ("Hadiah"):

The Eligible Individual will stand a chance to win the following prize(s) offered under this Campaign ("Prize"):

Bil. / No.	Butiran Hadiah / Prize Details	Negeri / State	Kuantiti Hadiah / Prize Quantity
1.	Set Hadiah Edisi Terhad BSN SSP / BSN SSP Limited Edition Gift Set	Johor	150 set Hadiah BSN SSP setiap negeri / Gift Set each state
2.		Melaka	
3.		Negeri Sembilan	
4.		Pahang	
5.		Selangor	
6.		Perak	
7.		Terengganu	
8.		Kelantan	
9.		Pulau Pinang	
10.		Kedah / Perlis	
11.		Kuala Lumpur	
12.		Sabah	
13.		Sarawak	

6. Hadiah tersebut akan diagihkan kepada tiga belas (13) negeri mengikut jumlah di atas. Stok Hadiah adalah terhad mengikut ketersediaan di negeri masing-masing sahaja.

The Prize will be distributed to thirteen (13) states based on the amount specified above. Thus, the Prize stock is limited to the availability at each respective state.

7. Setelah tamat tempoh kempen, pihak BSN akan mengeluarkan senarai pemenang, seterusnya wakil dari BSN akan menghubungi pemenang untuk tebus hadiah tersebut di cawangan BSN berdekatan.

Once the campaign period ends, BSN will extract the winner list and a representative from BSN will contact the winner to redeem their prize at the nearest branch.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

8. Setiap Individu yang Layak hanya layak untuk memenangi satu set hadiah di satu negeri setelah peletakan BSN SSP berjaya dibuat berdasarkan Klausa 4 di atas, tertakluk kepada ketersediaan Hadiah dan selagi stok masih ada ("Pemenang").
Each Eligible Individual is only entitled to win one gift set in a state upon successful placement of BSN SSP being made pursuant to Clause 4 above, subject to the availability of the Prizes and while stock lasts ("Winner").
9. Pemenang yang sama berpeluang untuk memenangi Hadiah di lain-lain negeri sekiranya memenuhi syarat simpanan minimum di negeri-negeri yang berbeza. *The same Winner will stand a chance to win the Prize in other states if he / she meets the minimum savings requirement in different states.*
10. BSN berhak atas budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.
11. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan / atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak semasa penghantaran.
BSN makes no representation or warranty with respect to quality and / or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes during delivery.
12. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau proses berhubung perkara ini akan dilayan. *The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest on this matter will be entertained.*
13. BSN tidak menjamin atau menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Individu yang Layak berhubung penyertaan dalam Kempen ini.
BSN does not guarantee or not promise any specific results to the Eligible Individual in relation to the participation in this Campaign.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

HAK BANK / BANK'S RIGHT

14. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Individu Yang Layak dan / atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever. BSN shall not be held responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Individuals and / or Winners directly or indirectly, caused by the changes.

15. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Individu Yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Individual that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

16. Individu yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Eligible Individuals shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

17. Sebarang kos, fi dan / atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan / atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Individu Yang Layak dan / atau Pemenang. / Any expenses, fee and / or expenses incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and / or any other costs (whichever is relevant is the sole responsibility of the Eligible Individuals and / or Winners.

18. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading and other similar things that prevent any individual from participating in this Campaign.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

19. Dengan menyertai Kempen ini, Individu yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan / atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN").

By participating in this Campaign, the Eligible Individuals hereby voluntarily gives express consent to BSN and / or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to the Privacy Policy that is available on www.bsn.com.my ("BSN's Website").

20. Individu Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

The Eligible Individuals have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; /
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; / dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi;
Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN.

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN /
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

21. Dengan menyertai Kempen ini, Individu Yang Layak dianggap telah bersetuju:-

By participating in this Campaign, all Eligible Individuals are deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi BSN SSP (Sijil Simpanan Premium) yang terdapat di Laman Sesawang BSN dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan

To be bound by the terms and condition herein, the Terms and Conditions BSN SSP (Sijil Simpanan Premium) which are available on BSN Website and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA
BSN SSP'**

**TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN
SSP' CAMPAIGN**

- b) Untuk mengakses Laman Sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk memastikan Individu Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan (a) di atas.

To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Eligible Individuals are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions specified in paragraph (a) above.

22. Individu Yang Layak / Pemenang bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN.

Eligible Individuals / Winners agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and / or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website.

23. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Individu Yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan / atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Individuals, conclusive and undisputable. No further correspondence and / or appeal to dispute the same will be entertained.

24. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In all circumstances BSN shall not be held liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prize.

25. BSN tidak akan bertanggungjawab dan / atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Individu Yang Layak dan / atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan / atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and / or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Individuals and / or Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA BSN SSP'

TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN SSP' CAMPAIGN

any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and / or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

26. Dengan menyertai Kempen ini, Individu Yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar, video atau lain-lain maklumat Individu Yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan / atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Individu yang Layak dan Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Eligible Individuals consent to BSN the right to publish or display the name, picture, video or any other information of the Eligible Individuals for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and / or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Individuals and the Winners are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

27. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan / atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Individu yang Layak dan / atau Pemenang.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete, withdraw, suspend or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and / or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Individuals and / or Winners.

28. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'RAIKAN HARI BAPA BERSAMA
BSN SSP'**

**TERMS AND CONDITIONS 'CELEBRATE FATHER'S DAY WITH BSN
SSP' CAMPAIGN**

Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.

29. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

30. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 1300-88-1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN via 1300-88-1900.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -

- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-